



25 Jamadilawal 1438H  
22 Febuari 2017

Kepada;  
Yang Berkenaan

Pengiran/Pehin/Dato/Tuan/Puan;

PEMBERITAHUAN 01/2017:  
SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN BARU DAN MEMBAHARUI KATEGORI E01, E02, E03

Dengan penuh hormat sukacita merujuk pemberitahuan awal Jabatan ini bertarikh 17 Zulhijjah 1437H bersamaan dengan 19hb. September 2016 mengenai perkara tersebut diatas.

Sukacita dimaklumkan kepada pemborong-pemborong yang berhasrat untuk membaharui atau mendaftar baru Kategori E01, E02, E03, E05 seterusnya paskad JPE (E01, E02, E03, E05 dan Pekerja Am) adalah dikehendaki memenuhi syarat-syarat seperti berikut;

Permohonan Pendaftaran Baru dan Membaharui Kategori

1. Tempoh mendapatkan sijil

Kelongsaran dalam mengikuti kursus-kursus dan dikehendaki LULUS pada tempoh sehingga Disember 2017, yangmana mulai Januari 2018, tanpa sijil berkenaan, paskad JPE (E01, E02, E03, E05 dan Pekerja Am) tidak akan dikeluarkan kepada pemohon Kategori tersebut diatas.

2. Senarai Tajuk Kursus yang diperakui bagi Kategori E01, E02 and E03

- a) Kursus mandatori bagi pekerja terlatih sebagai "Specifically Trained Persons/ Supervisor/ Persons-in-charge" bagi pemegang paskad JPE (E01, E02, E03)

KATEGORI	TAJUK KURSUS
E01	<ul style="list-style-type: none"><li>EIR – Regulations</li><li>Wiring of Premises (Electrical Installation Requirement)</li><li>Contractors Safety Awareness</li></ul>
E02	<ul style="list-style-type: none"><li>Contractors Safety Awareness</li><li>Low Voltages Switching Applications</li><li>Safety at Roadworks</li></ul>
E03	<ul style="list-style-type: none"><li>Contractors Safety Awareness</li><li>Safety Rules and System Operating Regulations</li><li>MV Switching Applications</li><li>HV Switching Applications</li></ul>

- b) Kursus mandatori bagi kesemua kontraktor yang menggunakan paskad (JPE E01, E02, E03, E05) dan pemegang paskad JPE (Pekerja Am) sahaja.

<u>Semua</u> Pekerja Berdaftar dengan JPE i.e Jurutera, Juruteknik dan Jurukerja, dsb.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Contractors Safety Awareness</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Module that deal with specific requirements of DES Safety Rules and Competent Person responsibilities.</li> </ul>
--	--	--

3. Tempoh sahlaku sijil bagi kursus.

Tempoh sahlaku bagi sijil a) tersebut diatas adalah selama 4 tahun, manakala tempoh sahlaku bagi sijil b) tersebut diatas adalah selama 2 tahun.

4. Jumlah Minima Pekerja.

Jumlah Minima Pekerja dipersyaratkan mengikuti kursus khusus bagi Penyelenggara Kerja (Specifically Trained Persons/ Supervisor/ Persons-in-charge) mengikut kelas syarikat seperti berikut:

KELAS SYARIKAT	KATEGORI		
	E01 (PEMASANGAN PENDAWIAN ELEKTRIK)	E02 (PEMASANGAN VOLTAN RENDAH)	E03 (PEMASANGAN VOLTAN TINGGI)
I	1	1	1
II	1	1	1
III	2	2	2
IV	2	2	2
V	2	2	2
VI	2	2	2

Jumlah minima ini hendaklah dipenuhi sebelum tempoh tersebut di atas berakhir, yangmana mulai Januari 2018 pihak jabatan tidak akan memberikan sokongan bagi penyambungan kategori sebelum jumlah minima ini dipenuhi.

5. Ujian dikendalikan Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bagi permohonan baru, kesemua pemohon paskad JPE (E01, E02, E03, E05 dan Pekerja Am) juga dikehendaki untuk lulus ujian yang lazimnya dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik selanjutnya

6. Tempat Kursus dikendalikan

Maklumat dan pengendali kursus yang sedia ada dan diperakui serta digunakan oleh jabatan ini boleh didapati di laman sesawang web jabatan iaitu [www.deng.gov.bn](http://www.deng.gov.bn), juga, pihak jabatan sedang giat mengenalpasti kursus yang bersesuaian serupa dengan kursus tersebut di atas dan akan memberikan maklumat terkini dari masa kesemasa kepada laman web tersebut.


Oleh yang demikian, pihak jabatan akan memantau dan mengkaji keberkesanan pelaksanaan perkara ini dan akan membuat perubahan dari masa ke semasa berdasarkan keperluan/situasi semasa.



Juga, Jabatan berhak menuntut mana-mana kontraktor terlibat dalam pelbagai kerja (melebihi satu kontrak) untuk menambah keramaian pekerja-pekerja terlatih dan berkemahiran melebihi bilangan tertera pada perenggan **4. Jumlah Minima Pekerja** di dalam bidang bersesuaian dan diperlukan.

Sekian disampaikan untuk makluman terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih.

**"GENERASI BERWAWASAN, PENERAJU KEPADA KEMAJUAN NEGARA"**



---

(Hj Norysmin bin Hj Mohd. Noor)  
b.p. Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam

HNHMN/mbi.